

PEPERIKSAAN PRASPM 2013

1103/1(PP)

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA

Bahasa Melayu

Kertas 1

Peraturan Pemarkahan

Ogos

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

AMARAN

Peraturan pemarkahan ini **SULIT** .Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa-apa bentuk media.

PERATURAN PEMARKAHAN SOALAN BAHAGIAN A**Arahan dalam soalan Bahagian A**

- Panjangnya antara 200 -250 patah perkataan
- Jika calon menulis mengikut kepanjangan seperti arahan, boleh diberikan cemerlang jika memenuhi kriteria penskoran.

Soalan :Huraikan pendapat anda tentang **kebaikan mempelajari seni pertahanan diri**. *Panjangnya huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.*

Diharapkan calon dapat menghuraikan kebaikan-kebaikan seni pertahanan diri berdasarkan gambar yang diberi.

1.0 Isi Cadangan

- 1.1 Mempertahankan Diri
- 1.2 Menyihatkan Fizikal dan Mental
- 1.3 Mendisiplinkan Diri

2.0 Kemungkinan

- 2.1 Jika calon menghuraikan 2 daripada tiga idea yang terdapat dalam bahan grafik dengan ditambah 1 isi/ idea sendiri-periksa **seperti biasa**.
- 2.2 Jika calon menghuraikan 1 daripada 3 idea yang terdapat dalam bahan grafik dengan ditambah 2 isi/idea sendiri-**Maksimum Kepujian**
- 2.3 Jika calon tidak menghuraikan bahan rangsangan tetapi mengemukakan isi/idea sendiri yang menepati tema bahan rangsangan :terima: **Maksimum Memuaskan**.

KRITERIA PENSKORAN BAHAGIAN A

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
<p>Cemerlang</p> <p>CA CB</p>	<p>26 – 30</p> <p>(28 – 30) (26 – 27)</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Karangan menepati tema bahan rangsangan. • Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan tanda baca betul dan tepat. Ejaan mengikut Sistem Ejaan Rumi baru. Penggunaan kosa kata luas dan tepat. • Wacana lengkap. Unsur bahasa yang digunakan bervariasi dan menggunakan ungkapan yang menarik. • Idea relevan dengan tema bahan rangsangan dan dihuraikan dengan jelas dan matang.
<p>Kepujian</p> <p>KA KB</p>	<p>20 – 25</p> <p>(23 – 25) (20 – 22)</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Karangan menepati tema bahan rangsangan. • Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan tanda baca betul dan tepat. Ejaan mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru. Penggunaan kosa kata luas. • Wacana lengkap. Unsur bahasa yang digunakan bervariasi. • Idea relevan dengan tema bahan rangsangan dan dihuraikan dengan jelas.
<p>Memuaskan</p> <p>MA MB</p>	<p>15 – 19</p> <p>(17 – 19) (15 – 16)</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Karangan masih menepati tema bahan rangsangan. • Bahasa masih gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan tanda baca masih betul dan tepat. Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru. Penggunaan kosa kata umum. • Wacana masih lengkap. Unsur bahasa masih bervariasi. • Idea masih relevan dengan tema bahan rangsangan. Huraian idea masih jelas.

<p>Kurang Memuaskan</p> <p>KMA KMB</p>	<p>10 – 14</p> <p>(12 – 14) (10 – 11)</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Karangan kurang / masih menepati tema bahan rangsangan. • Bahasa kurang gramatis dari segi kata dan ayat. Kesalahan-kesalahan tatabahasa ketara. Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru tetapi terdapat kesalahan ejaan yang ketara. Penggunaan kosa kata terhad. • Wacana kurang lengkap. Unsur bahasa kurang bervariasi. • Idea kurang relevan dengan tema bahan rangsangan dan huraiananya kurang jelas.
<p>Pencapaian Minimum</p>	<p>01 – 09</p> <p>(06 – 09) (01 – 15)</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Calon tidak menunjukkan penguasaan kemahiran menulis. • Banyak kesalahan bahasa dari segi kata dan ayat. • Idea tidak menepati tema bahan rangsangan. • Calon tidak menjawab tugas (Tiada kaitan dengan soalan)

**Ungkapan yang menarik : peribahasa, pantun, cogan kata, frasa menarik, petikan ucapan, kata-kata hikmat, petikan hadis, maksud al-Quran dan lain-lain.*

PERATURAN PEMARKAHAN SOALAN BAHAGIAN B

Soalan 1

Guru ibarat lilin yang sanggup membakar diri demi menerangi kegelapan orang lain. Begitulah ungkapan yang sering dilaung-laungkan oleh masyarakat kita pada hari ini. Huraikan peranan anda untuk membalas jasa guru.

Diharapkan calon dapat menghuraikan peranan murid untuk membalas jasa guru

1.0 Isi Cadangan

- Belajar dengan bersungguh-sungguh
- Sentiasa menghormati guru
- Mendoakan kesejahteraan dan kesihatan yang baik untuk mereka
- Melawat dan menziarahi guru
- Mengadakan sambutan Hari Guru

1.1 Kemungkinan

2.1 Jika calon menghuraikan bukan peranan murid tetapi ada kaitan dengan tema. : **Maksimum Kepujian**

2.1 Jika calon menceritakan sambutan Hari Guru : **Maksimum Memuaskan.**

Soalan 2

Budaya membaca wadah berkesan dalam era pendidikan masa ini. Jelaskan usaha-usaha ibu bapa bagi membudayakan amalan membaca kepada anak-anak.

Diharapkan calon dapat menghuraikan peranan ibu bapa untuk membudayakan amalan membaca kepada anak-anak.

2.0 Isi Cadangan

- Membeli bahan bacaan secara berkala.
- Menyediakan suatu ruangan sebagai perpustakaan mini di rumah
- Membawa anak-anak mereka ke ekspo atau pameran buku.
- Menggalakkan anak-anak menyertai pertandingan kebahasaan.
- Membaca bersama dengan anak-anak

2.1 Kemungkinan

- 2.1 Jika calon menghuraikan dua peranan ibu bapa dan satu peranan lain : Diterima
2.2 Jika calon menghuraikan bukan peranan ibu bapa tetapi ada kaitan dengan tema : **Maksimum Kepujian.**

Soalan 3

Sebagai seorang pegawai di Jabatan Penerangan Daerah, anda telah diundang untuk menyampaikan ceramah kepada warga sekolah di daerah anda. Tajuk ceramah itu ialah “Semangat Kejiranan Pemangkin Rakyat Sejahtera.” Tulis ceramah anda itu selengkapnya.

Diharapkan calon dapat menulis karangan bentuk ceramah dengan memberikan tumpuan isi pada tajuk yang diberikan.

3.0 Isi Cadangan

- Kerjasama dan bantu- membantu antara jiran
- Perpaduan antara jiran
- Sikap toleransi antara jiran
- Budaya ziarah dapat dijalankan
- Kebersihan kawasan dapat ditingkatkan

3.1 Kemungkinan

- 2.1 Jika calon menghuraikan kebaikan semangat kejiranan melahirkan rakyat sejahtera : **Diterima**
2.2 Jika calon menghuraikan cara-cara semangat kejiranan melahirkan rakyat sejahtera : **Diterima.**
- 2.3 Jika calon menghuraikan faktor-faktor melahirkan semangat kejiranan : **Maksimum Baik.**
2.4 Jika calon menghuraikan masalah melahirkan semangat kejiranan : **Maksimum Baik.**
2.5 Tolok **2** markah jika tidak ada format ceramah.

Soalan 4

Kebanyakan negara di dunia telah menjalankan pelbagai program pertukaran pelajar. Huraikan faedah-faedah menyertai program tersebut.

Diharapkan calon dapat menghuraikan faedah-faedah menyertai program pertukaran pelajar.

4.0 Isi Cadangan

- Dapat bertukar-tukar pengalaman dan idea-idea baru
- Dapat mengenali kepelbagaian budaya negara luar.
- Menanam sikap positif dan berbudi bahasa dalam diri ketika berjauhan
- Memajukan industri pelancongan negara

4.1 Kemungkinan

4.1 Jika calon menghuraikan cara-cara program ini dijalankan : **Maksimum Baik**

4.2 Jika calon menghuraikan masalah program ini dijalankan : **Maksimum Baik**

Soalan 5

Warisan puisi Melayu lama seperti pantun, syair, gurindam dan seloka semakin terpinggir dalam kalangan generasi muda hari ini. Ulaskan pendapat anda tentang cara-cara yang dapat dilakukan oleh pelbagai pihak untuk memartabatkan puisi Melayu lama ini.

Diharapkan calon dapat menghuraikan cara-cara yang dilakukan oleh pelbagai pihak untuk memartabatkan puisi Melayu lama.

5.0 Isi cadangan

- Ibu bapa memperkenalkan dan mempopularkan pantun kepada anak-anak mereka
- Pembelajaran dan pengajaran pantun di sekolah haruslah diperluas
- Mengadakan pelbagai kempen cintai puisi tradisional.
- Program pertukaran pelajar dengan negara luar
- Persembahan atau pertandingan puisi Melayu lama

5.1 Kemungkinan

5.1 Jika calon menghuraikan kebaikan puisi Melayu lama : **Maksimum Baik**

5.2 Jika calon menghuraikan masalah memajukan puisi Melayu lama :
Maksimum Memuaskan.

PERINCIAN PEMARKAHAN

Cara Pemeriksaan

1. Pemeriksaan dijalankan secara holistik berpandukan peringkat dan kriteria yang ditetapkan.

2. Maksud kematangan dalam penulisan :

(a) cara penulisan pelajar , lengkap dan betul wacana (ada kesinambungan idea)

(b) Tahap pemikiran /contoh yang diberikan menunjukkan pengetahuan yang luas (tidak hanya berkisar isu-isu di sekitarnya) -bacaan luas

3. Semasa penandaan, impression pertama adalah paling tepat kerana kita telah menilai karangan calon dari segi tugas, bahasa dan olahan secara holistik.

4. Elakkan mencari kesalahan calon untuk menurunkan markah calon. Cari kekuatan yang ada pada skrip calon.

5. Bagi skrip cemerlang, perlu ada toleransi bagi kesalahan minimum kerana karangan cemerlang bukan bebas daripada kesalahan tatabahasa. Perlu dilihat secara holistik kriteria mana yang lebih dominan.

340 - 350 pp	Tanda seperti biasa	
300 - 339 pp	Impression turun sedikit / markah turun sedikit	
251-299 pp	Peringkat baik	51 – 65
Kurang 250 pp	Peringkat kurang memuaskan	21 – 35
	Jika bahasa baik -markah peringkat KM atas	28 – 35
	Jika bahasa kurang gramatis - markah peringkat KM bawah:	21- 27

6. **Kesalahan format** hendaklah ditolak **maksimum 2 markah**.

7. **Kesalahan ejaan** hendaklah ditolak $\frac{1}{2}$ markah dan pemotongan **maksimum 3 markah**. Tiada pemotongan markah bagi kesalahan ejaan yang berulang.

8. Cara menanda kesalahan isi, ejaan dan tanda baca:

- () = Kesalahan isi
_____ = Kesalahan bahasa, rangkai kata dan perkataan
/ = Kesalahan ejaan dan huruf besar (nama khas)
// = Kesalahan ejaan yang berulang
○ = Kesalahan tanda baca

KRITERIA PENSKORAN BAHAGIAN B

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
CEMERLANG	<p>80 – 100</p> <p>(90 – 100)</p> <p>(80 – 89)</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Idea yang relevan mengikut tugas, diuraikan dengan jelas dan matang, disertakan dengan contoh yang sesuai. • Penggunaan pelbagai jenis kata yang luas dan tepat. • Penggunaan kosa kata luas dan tepat. • Ejaan dan tanda baca betul. • Penggunaan pelbagai jenis ayat majmuk yang gramatis. • Laras bahasa yang sesuai dengan tugas. • Penggunaan unsur bahasa bervariasi. • Gaya bahasa sangat menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa. • Pengolahan menarik dan berkesan serta pemerenggan sesuai. • Wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan.(perlu ada)
KEPUJIAN	<p>66 – 79</p> <p>(73 – 79)</p> <p>(66 – 72)</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Idea yang relevan mengikut tugas, diuraikan dengan jelas , disertakan dengan contoh yang sesuai. • Penggunaan pelbagai jenis kata yang tepat. • Penggunaan kosa kata luas dan tepat. • Ejaan dan tanda baca betul. • Penggunaan pelbagai jenis ayat majmuk yang gramatis tetapi terdapat kesalahan minimum. • Laras bahasa g sesuai dengan tugas. • Penggunaan unsur bahasa bervariasi. • Gaya bahasa sangat menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau

		<p>frasa.</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Pengolahan menarik dan berkesan serta pemerenggan sesuai. ● Wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan.(perlu ada)
BAIK	<p>51 – 65 (58 – 65) (51 – 57)</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Idea masih relevan mengikut tugas, huraian isi masih jelas dan contoh masih sesuai. ● Penggunaan pelbagai jenis kata sesuai. ● Penggunaan kosa kata umum ● Ejaan dan tanda baca masih betul. ● Penggunaan pelbagai ayat gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum. ● Laras bahasa sesuai mengikut tugas. ● Penggunaan unsur bahasa masih bervariasi ● Gaya bahasa kurang menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan. ● Pengolahan masih menarik, dan pemerenggan masih sesuai. ● Wacana masih lengkap.
MEMUASKAN	<p>36 – 50 (43 – 50) (36 – 42)</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Idea masih relevan mengikut tugas, huraian isi kurang jelas dan contoh kurang sesuai. ● Penggunaan pelbagai jenis kata terhad. ● Penggunaan kosa kata umum dan terhad ● Ejaan dan tanda baca betul tetapi terdapat kesalahan minimum. ● Ayat kurang gramatis ● Laras bahasa kurang sesuai. ● Penggunaan unsur bahasa kurang bervariasi ● Gaya bahasa kurang menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan. ● Pengolahan kurang menarik.

		<ul style="list-style-type: none"> • Wacana masih /kurang lengkap.
KURANG MEMUASKAN	<p>21 – 35 (28 – 35) (21 – 27)</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Idea masih relevan /idea bercampur aduk dan huraian isi tidak jelas dan contoh kurang sesuai. • Penggunaan kurang tepat. • Terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara. • Ayat tidak gramatis tetapi masih difahami • Unsur bahasa tidak bervariasi • Gaya bahasa dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah • Pengolahan tidak menarik. • Wacana tidak lengkap dan binaan perenggan tidak seimbang.
PENCAPAIAN MINIMUM	<p>01 – 20 (11 – 20) (01 – 10)</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Idea bercampur aduk dan huraian tidak jelas / tidak berkembang dan contoh tidak sesuai • Keseluruhan menunjukkan penggunaan kata dan ayat yang tidak gramatis • Kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara • Gaya bahasa dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah serta tidak menarik. • Pengolahan tidak menarik • Wacana tidak lengkap dan binaan perenggan tidak seimbang dan tidak sesuai • Keseluruhan karangan sukar / tidak difahami. • Tidak jawab soalan/karangan hafalan

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT